



Ruj. Tuan : PSB/PRG/PDMP/43.2.1/22/016

Ruj. Kami : JPNSW5.600-3/4/7JA-1 (42)

Tarikh : 28 Mei 2022

Pengarah
Bahagian Commercial and Experience
Petrosains, The Discovery Centre
Petrosains Sdn Bhd
Level 4, Suria KLCC
PETRONAS Twin Towers
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PROGRAM PETROSAINS *RBTX CHALLENGE* 2022 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SARAWAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNS mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta tiada halangan bagi penganjuran program dan penglibatan murid sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Program Petrosains *RBTX Challenge* yang bermula pada 18 April hingga 11 September 2022 sahaja. Walau bagaimanapun, kebenaran dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada surat pekeliling / surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018 – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016 – Panduan Keselamatan Semasa Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah;
- 3.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2011 – Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;
- 3.4 Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/1010 – Garis Paduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;
- 3.5 *Standard Operating Procedure (SOP) Pembukaan Sektor Sukan dan Rekreasi* yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 3.6 Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum, KPM berkaitan langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu juga, pihak tuan perlu **memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat** berkaitan program ini di samping mengamalkan *delivery improvement* Kementerian Pendidikan Malaysia yang antaranya adalah seperti berikut:

- 4.1 **Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;**
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai;
- 4.3 **Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
- 4.4 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid ke program berkenaan. Nisbah maksimum adalah **1(satu) orang guru bagi setiap 10 (sepuluh) orang murid**. Mesti ada guru pengiring perempuan jika melibatkan murid perempuan dan mesti ada guru lelaki sekiranya program melibatkan murid lelaki;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak;
- 4.6 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tidak mengganggu lain-lain program yang telah dirancang oleh sekolah, PPD, JPN dan KPM;
- 4.9 Sekiranya tempat bermalam tidak disediakan, program harian hendaklah ditamatkan **tidak lebih daripada 4.30 petang;**
- 4.10 Bagi program yang melibatkan bermalam dan tempat bermalam disediakan, aktiviti yang dilaksanakan hendaklah **tidak lebih daripada 10.30 malam;**
- 4.11 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid dan guru yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.12 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak tuan dimohon memastikan agar kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib diterapkan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung (seperti gotong-royong membersihkan kawasan);
- 4.13 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat;
- 4.14 Penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum, perlindungan insurans, serta menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.15 Program yang melibatkan kos pembayaran penyertaan untuk murid bagi program yang dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan antara pihak penganjur, ibu bapa dan pihak sekolah;
- 4.16 Sebarang aktiviti air / aktiviti yang berisiko mesti dikendalikan oleh jurulatih yang bertauliah;

- 4.17 Pihak penganjur dimohon mengemukakan permohonan untuk tujuan pengiktirafan program bagi markah kokurikulum ke jabatan, bagi program peringkat negeri dan ke Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), KPM bagi program peringkat kebangsaan / antarabangsa dengan menyediakan dokumen seperti berikut:
- 4.17.1 Surat kelulusan program daripada KPM/JPN;
 - 4.17.2 Salinan laporan program dalam bentuk *soft copy* mengikut format Lampiran 1 yang dilampirkan bersama-sama surat ini dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut
 - 4.17.3 Permohonan ke jabatan hendaklah dihantar ke alamat e-mel ukk.jpnsarawak@moe.gov.my.
- 4.18 Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada **31 Disember 2022**. Sehubungan dengan itu, penganjur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2022; dan
- 4.19 Jabatan berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa depan.

5. Surat kebenaran ini hanya untuk pihak **Petrosains, The Discovery Centre** yang akan menganjurkan **Program Petrosains RBTX Challenge** yang bermula pada **18 April hingga 11 September 2022** sahaja. Sebarang permohonan kebenaran baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak jabatan. Sebarang pertanyaan berkenaan sokongan program ini, pihak tuan boleh menghubungi Puan **Marjolyn Michael** (Subunit Kokurikulum) di talian **082-473670** atau e-mel marjolyn@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI JAYA BIN UKI**)

Ketua Perolong Pengarah Kanan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Rendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



- s.k
- 1. Fail Timbul Pengarah Pendidikan Sarawak
 - 2. Semua Pegawai Pendidikan Daerah

 *... Program Orientasi Sains dan Teknologi*

Rujukan kami: PSB/PRG/PDMP/43.2.1/22/016

13 Mei 2022

Datu Dr. Haji Azhar Bin Haji Ahmad
Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching
Sarawak



TP SPbM
untuk tindakan
penerusan

TP (SFS) - mada
TP (SFS)
Ubu Tindan
18/5

PENGAH PENDIDIKAN
SARAWAK

YBhg. Datu Dr.,

TP (SFS)

MEMOHON KEBENARAN DAN SOKONGAN PELAKSANAAN PROGRAM 'PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2022' BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SARAWAK

Salam mesra daripada Petrosains!

Seperti yang YBhg. Datu Dr.. sedia maklum, Petrosains adalah sebuah galeri penerokaan sains interaktif yang meliputi aspek- aspek sains yang memberi peluang kepada semua golongan dari pelbagai lapisan umur untuk meneroka serta mengalami sendiri keajaiban fenomena dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Merujuk kepada perkara di atas, Petrosains akan menganjurkan program Petrosains RBTX Challenge 2022 sebagai inisiatif memperkasa program berasaskan STEM seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Malaysia Education Blueprint) 2013 - 2025.

Pada tahun ini, Petrosains RBTX Challenge akan diadakan secara dwi format, iaitu beberapa sesi taklimat serta bengkel robotik bersama para murid dan guru di seluruh Malaysia akan diadakan secara maya atau bersemuka manakala pertandingan Peringkat Akhir akan dijalankan secara bersemuka yang dijadualkan pada bulan September di Kuala Lumpur. Format ini dipilih setelah Malaysia memasuki Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam, termasuk program vaksinasi COVID-19 dalam menguruskan penularan jangkitan COVID-19 dalam negara. Pendaftaran penyertaan dalam semua kategori pertandingan Petrosains RBTX Challenge 2022 adalah percuma.

Dengan menyertai program ini, murid akan:

- mempelajari tentang teknologi – teknologi penting Revolusi Industri 4.0 seperti robotik, Internet Pelbagai Benda (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI);
- membina Kemahiran Abad ke-21: 4C - kolaboratif, komunikasi, pemikiran kritis dan kreativiti yang penting untuk kejayaan di dalam pelajaran dan pekerjaan pada masa hadapan; dan
- menjana inovasi dengan mengguna pakai perisian pengkodan terbuka (open-source coding software) dan bebas memilih pelbagai peralatan robotik untuk bertanding

PO STEM
Ubu Tindan



Sehubungan itu, pihak Petrosains dengan berbesar hati memohon jasa baik pihak YBhg. Datu Dr. agar dapat memberi kebenaran pelaksanaan program, menyokong serta menggalakkan penyertaan murid dan guru dari sekolah seluruh Negeri Sarawak. **Sijil penyertaan dan sijil pencapaian** akan diberikan kepada para murid dan guru yang menyertai program-program Petrosains RBTX Challenge 2022. Murid turut berpeluang mendapat mata PAJSK. Semoga usahasama ini dapat memberikan manfaat serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan para murid dan guru khususnya dalam bidang robotik dan teknologi.

Bersama dengan surat ini dilampirkan kertas kerja program untuk rujukan dan hebahan pihak YBhg. Datu Dr., pautan ke laman web rasmi Petrosains RBTX Challenge 2022 dalam bentuk kod QR, surat sokongan pelaksanaan Program Petrosains 2022 daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (KPM.600-8/2/7 Jld.21 (91)) dan surat rakan strategik bersama Pusat STEM Negara, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPM.600-12/1/4 Jld 29 (52)).

Sekiranya pihak YBhg. Datu Dr. memerlukan keterangan lanjut, sukacita kiranya dapat menghubungi pihak urusetia pertandingan di:

Nombor telefon : **03 – 2331 1575**
E-mel : petrosainsrbtx@petronas.com.my
Saluran Telegram : <https://t.me/petrosainspromo>
Pegawai Urusetia : **En. M Faisal B Mat Isa** (faisalisa@petronas.com)
: **Pn. Nabilah Mohd Najib** (nabilah.najib@petronas.com)

Segala kerjasama yang diberikan amatlah kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
b/p **PETROSAINS, The Discovery Centre**




KAMARUDDIN KASSIM
Pengarah
Bahagian *Commercial and Experience*

NHR/NMN



LAMPIRAN A

Laman Web Rasmi Petrosains RBTX Challenge 2022 - <https://petrosains.com.my/rbtx-challenge-2022/>



Laman web rasmi
Petrosains RBTX Challenge

